

PERANAN BADAN-BADAN DAKWAH DALAM MENDEKATI GOLONGAN GELANDANGAN: SATU TINJAUAN

Abdul Halim bin Abdul Karim¹
Ahmad Effat bin Mokhtar, Ph.D²

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji peranan badan-badan dakwah dalam negara kita dalam mendekati golongan gelandangan. Dewasa ini, isu gelandangan banyak diperbincangkan dan menjadi agenda penting di Malaysia. Pelbagai pihak telah tampil untuk membantu golongan tersebut termasuk badan-badan dakwah juga dilihat semakin peka terhadap golongan ini. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak, namun golongan ini lebih dilihat memerlukan bantuan pada sudut kerohanian kerana ia boleh membangunkan semula daya hidup mereka. Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengguna pakai kaedah analisis teks bagi mengenal pasti peranan badan-badan dakwah mendekati gelandangan. Ia adalah bertujuan untuk mengenal pasti cara berdakwah yang sesuai diaplikasikan kepada gelandangan serta meneliti dan meninjau pendekatan dakwah yang telah dijalankan oleh badan-badan dakwah kepada gelandangan. Persoalan adakah aktiviti pendakwaan telah dijalankan dan bagaimana mereka menerima dakwah. Hasil kajian telah menunjukkan keperluan terhadap bantuan kerohanian amat penting bagi mengukuhkan pegangan agama dan pembinaan daya hidup dalam kalangan gelandangan. Kajian ini seterusnya memberikan implikasi positif dan impak yang besar kepada YADIM, Majlis Agama Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, PERKIM, IKRAM dan lain-lain pertubuhan dalam mencari pendekatan yang terbaik dan tersusun bagi menangani masalah gelandangan.

Kata Kunci: Gelandangan, Badan-Badan Dakwah, Pendekatan Dakwah, Kerohanian, Daya Hidup

PENGENALAN

Manusia merupakan insan ciptaan Allah SWT yang dijadikan dengan sebaik-baik kejadian. Tujuan diciptakan manusia di atas muka bumi adalah bertujuan mengabdikan diri kepada Allah SWT sebagai ahli ibadah dan khalifah *fi al-ardh*. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan mu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya: Adakah Engkau hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa menyucikan-Mu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.”
(Surah al-Baqarah: ayat 30)

Islam memelihara hak dan kedudukan setiap manusia tanpa dibezakan atau dipisahkan kerana warna kulit, pangkat, darjat dan status kehidupan. Islam hanya memperakui

¹ Penulis merupakan Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

² Penulis merupakan Dekan Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

kedudukan dan kemuliaan seseorang itu berdasarkan ketinggian takwanya kepada Allah SWT.

Hal ini selaras dengan objektif tertinggi hukum syarak atau maqasid syariah iaitu mewujudkan kemaslahatan dan menolak kemudaratan (Jasser Auda, 2015). Maqasid Syariah menekankan kepada penjagaan lima prinsip utama iaitu *hifz al-Din*, *hifz al-Nafs*, *hifz al-Nasab*, *hifz al-'Aql* dan *hifz al-Mal*. Setiap *al-Nafs* atau nyawa manusia itu amat bernilai di sisi syarak sama ada mereka dalam golongan kaya, miskin, gelandangan dan sebagainya. Islam menolak sebarang bentuk diskriminasi atas nama agama, bangsa, gender, darjat dan tahap kekayaan seseorang itu.

Perkara 5 sehingga perkara 13 Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi negara, secara jelas memperuntukkan kebebasan dan hak kepada setiap warganegara Malaysia seperti hak kebebasan diri, larangan kerja paksa, sama rata di sisi undang-undang, kebebasan bergerak dan sebagainya selagi mana ianya tidak mengganggu gugat keselamatan dan keharmonian negara (Perlembagaan Persekutuan, 2010).

Dewasa ini, isu gelandangan banyak diperbincangkan dan menjadi agenda penting di Malaysia. Pelbagai pihak telah tampil untuk membantu golongan tersebut termasuk badan-badan dakwah juga dilihat semakin peka terhadap golongan ini. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak, namun golongan ini dilihat memerlukan kepada bantuan dari sudut yang boleh membangunkan semula diri mereka kepada agama.

Oleh yang demikian, segmen masyarakat yang dinamakan sebagai gelandangan atau *homelessness* turut mempunyai hak dan kedudukan dalam agama dan negara serta mereka perlu disantuni dan didekati dengan uslub dan pendekatan yang terbaik, berhemah dan menonjolkan prinsip Islam sebagai *Rahmatan Lil 'Alameen*. Hal ini juga selaras dengan pengutusan Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia akhir zaman dengan al-Quran dan al-Sunah sebagai sumber rujukan yang sentiasa relevan pada masa dahulu, sekarang dan akan datang.

Isu berkaitan gelandangan telah menarik perhatian para penyelidik, kelompok masyarakat prihatin, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak kerajaan bagi mencari solusi dan jalan penyelesaian. Pihak kerajaan sendiri umpamanya menerusi Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah mengeluarkan kenyataan rasmi bagi menerajui usaha-usaha untuk menangani isu-isu berkaitan gelandangan secara holistik dengan penglibatan dan kerjasama daripada pelbagai kementerian, agensi dan pertubuhan bukan kerajaan(NGO) menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) (Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, 19 Februari 2016).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah:

1. Mengenal pasti latar belakang gelandangan.
2. Mengkaji pendekatan dakwah yang sesuai diaplikasikan kepada gelandangan.
3. Meninjau peranan badan-badan dakwah dalam mendekati gelandangan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan prosedur pengumpulan data secara pemerhatian dan penganalisisan kandungan dokumen. Ia merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat-maklumat yang wujud secara tersurat.

Data adalah diperoleh daripada jurnal, tesis, buku, laporan rasmi pihak berautoriti serta laman web. Kesemua data yang diperoleh dianalisis dengan menekankan aspek penelitian kepada isi kandungan, menilai hujah dan fakta, membuat perbandingan, membuat kritikan secara positif serta membuat kesimpulan (Ahmad Sunawari, 2016). Oleh yang demikian data yang siap dianalisis mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

DEFINISI GELANDANGAN

Menurut Kamus Dewan, golongan gelandangan boleh difahami sebagai orang-orang yang tidak tetap dan tidak tentu pekerjaannya atau tempat tinggalnya (Persuratan Melayu, 2018). Dalam konteks negara Malaysia, tidak mempunyai definisi yang rasmi dan muktamad berkaitan dengan gelandangan, tetapi gelandangan adalah termasuk di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan diletakkan di bawah peruntukan undang-undang berkaitan Akta Orang-Orang Papa 1977 (Muhammad Faheem dan Muhammad Idris, 2017).

Di dalam Akta Orang-Orang Papa (1977) (Akta 183) menyatakan bahawa “orang papa” ertinya-

- a) *seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga menimbulkan kacau ganggu; atau*
- b) *seseorang pelesir yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau*
- c) *yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan (Akta Orang-Orang Papa, Akta 183).*

Selain itu, gelandangan juga dirujuk sebagai orang yang hidup dalam keadaan yang tidak sesuai dengan norma-norma kehidupan masyarakat serta tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan yang tetap di wilayah tertentu dan juga hidup secara nomad di tempat umum (Sharifah & Alifatul, 2012).

National Survey of Homeless Assistance Providers and Clients (NSHAPC) pula mendefinisikan golongan gelandangan sebagai individu yang tinggal di sesuatu tempat perlindungan kecemasan atau program perumahan peralihan; individu yang tinggal di hotel kebajikan atau hotel baucar; individu yang tinggal di bangunan yang ditinggalkan; individu yang tinggal di tempat perniagaan, individu yang tinggal dalam sebuah kereta atau kenderaan lain atau individu yang tinggal di luar; individu yang tinggal kekal di bawah Program Perumahan Malaysia mempunyai Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183) yang diperuntukkan untuk menjaga dan memulihkan orang-orang papa dan mengawal kutu rayau.

Oleh itu, gelandangan boleh difahami sebagai mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan yang tetap, hidup dalam suasana yang tidak munasabah bagi standard

manusia pada zaman ini, sama ada mengemis atau tidak dan tidak mampu menyatakan diri dengan memuaskan. Namun begitu, adalah tidak wajar untuk menyalahkan mereka hidup dalam keadaan sedemikian kerana tiada seorang pun manusia yang berfikiran waras mahu menjalani kehidupan yang tidak menentu dan penuh kesengsaraan jika mereka dapat menentukan pilihan yang terbaik dalam kehidupan. Cuma mereka yang berkemampuan, mempunyai kesedaran dan memiliki nilai kemanusiaan, haruslah tampil ke depan bagi mendepani dan membantu mereka segmen kehidupan ini.

Dalam Islam, golongan gelandangan wajar dibantu mengikut prospek penyelesaian yang ada sama ada melalui saluran bantuan pihak kerajaan atau badan-badan bukan kerajaan. Pada masa yang sama, golongan yang melarat ini hendaklah mempunyai motivasi yang tinggi untuk islah atau memperbaiki keadaan diri dan sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Mereka merupakan ujian Allah SWT kepada manusia lain yang lebih berkemampuan agar terus membantu (Sabran, Muhammed Yusof dan Yusmini, 2016).

FAKTOR KEMUNCULAN GELANDANGAN

Golongan gelandangan ini terdiri daripada pelbagai jenis segmen kehidupan seperti warga emas, penagih dadah, penganggur, pesakit mental, pesakit melarat, orang yang bekerja tetapi tidak berumah, pengemis, budak-budak jalanan dan seumpamanya. Gelandangan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan terhadap fizikal dan emosi mereka. Lazimnya, gelandangan sering berasa bimbang mengenai tempat tidur mereka, keperluan makan dan minum dan mudah untuk terjebak dengan ketagihan dadah dan alkohol, gejala sosial, kelahiran anak tidak sah taraf serta jenayah jalanan (Ku Basyirah, Mohd Suhaimi, Norulhuda, 2017, Mohd Shukri, 2016).

Selain itu, faktor hidup di kawasan bandar, menyebabkan mereka terpaksa berdepan cabaran getir untuk bertahan. Pelbagai ujian dan hambatan pada segenap segi membuatkan ada dalam kalangan mereka yang terjebak ke dalam kancah gelandangan (Rafiza, Jaffary, Ahmad Sunawari & Zaizul, 2017). Menurut Muhammad Ammar dan Mohd Anuar pula, gaya kehidupan gelandangan adalah jelas berbeza dan bercanggah dengan norma-norma kemanusiaan yang sihat. Insan yang sejahtera akal dan tindakannya sentiasa berhajat kepada kesempurnaan, kebersihan dan kebaikan dalam setiap perkara. Namun situasi dan kebaikan tersebut tidak berpihak kepada kaum gelandangan.

Oleh yang demikian, kemunculan segmen gelandangan ini adalah berkait rapat dengan pelbagai faktor seperti pembangunan, ekonomi, kemiskinan, pengangguran keterlibatan dalam gejala sosial dan jenayah serta krisis rumah tangga. Jika permasalahan gelandangan ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya, maka ia boleh membawa kepada situasi yang lebih getir pada rakyat dan negara pada masa hadapan.

SEJARAH GELANDANGAN PADA ZAMAN RASULULLAH SAW

Sejarah gelandangan telah muncul sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan golongan ini dikenali dengan istilah *Banu Mudhar* (golongan melarat). Golongan ini pernah dilihat Nabi SAW melintasi kawasan masjid dan selepas dari itu, Rasulullah SAW naik ke mimbar dan menyeru kepada umat Islam agar memperbanyakkan sedekah kepada golongan tersebut (Mohd Shukri, 2016).

Pada zaman Rasulullah SAW, fungsi masjid bukan sekadar tempat ibadah semata-mata namun ia juga adalah pusat pentadbiran negara, perkembangan ilmu dan termasuklah ia menjadi pusat penempatan untuk ahli *suffah* (Ermy Azziaty, Lukman dan Wan Kamal, 2016). Mereka yang pertama kali tinggal di *Suffah* adalah kaum Muhajirin. Oleh sebab itu, *suffah* juga dikenali dengan sebutan *Suffatul Muhâjirîn*. Tempat ini juga menjadi tempat persinggahan para utusan luar Mekah yang hendak berjumpa Rasulullah SAW untuk menyatakan keislamannya dan kerelaan mentaati Rasulullah SAW. Di antara ahli *suffah* terkenal adalah Abu Hurairah, Abu Zar al-Ghifâri, Wâtsilah bin Asqa', Salmân al-Fârisi dan sebagainya. Kehidupan ahli *suffah* ini biasanya belajar, menghadiri halaqah ilmu bersama Rasulullah SAW, beriktikaf di masjid dalam rangka beribadah dan mereka ini tidak mempunyai sumber pendapatan tetap.

Ahli *Suffah* ini turut berperanan besar dalam mengimarahkan dan mencorakkan kegiatan masjid. Mereka banyak mengambil manfaat dari ajaran Rasulullah SAW ketika hidup baginda. Peluang yang mereka gunakan dengan tinggal di bahagian penjuru masjid, dijadikan sebagai kesempatan untuk menghafal hadis-hadis Rasulullah SAW sehingga melahirkan perawi hadis terhebat dan terbanyak seperti Abu Hurairah RA sehingga digelar "Bendaharawan Hadis". Menurut rekod, bilangan hadis yang diriwayatkan beliau sebanyak 5374 buah hadis (Rosmawati Ali, 2005).

Di antara pengamatan Abu Hurairah RA mengenai *Ahli Suffah* adalah, dari Abu Hurairah RA pula berkata:

"Aku melihat tujuh puluh orang dari ahlus-shuffah, tidak seorang pun dari mereka yang mengenakan baju, kadang-kadang bersarung dan kadang-kadang memakai baju. Mereka mengikatkan pada lehernya masing-masing. Di antaranya, ada pakaiannya itu hanya sampai pada setengah dari kedua betisnya dan di antaranya ada pula yang sampai di kedua mata kakinya, lalu dikumpulkannya lah dengan tangannya kerana takut terlihat auratnya."

(Hadis sahih, diriwayatkan oleh al-Bukhari, hadis no. 423)

Daripada pernyataan di atas, ia menjelaskan bahawa golongan gelandangan hidup dalam keadaan serba kekurangan, baik pada sudut material, fizikal dan kelengkapan diri. Namun demikian, pada zaman Rasulullah SAW, segmen gelandangan ini tidak dipinggirkan, mereka diberi perhatian oleh Nabi Muhammad SAW, ditempatkan mereka di serambi masjid Nabawi dan juga disediakan makanan untuk keperluan harian. Di samping itu, mereka turut tekun dalam menuntut ilmu, menghafal hadis dan memakmurkan masjid.

PERANAN BADAN DAKWAH MENANGANI ISU GELANDANGAN

Setelah menekuni latar belakang kemunculan segmen gelandangan ini, maka penulis telah meninjau dan memperhalus gerak kerja agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang sentiasa terjun ke lapangan segmen gelandangan ini. Institusi keagamaan sama ada daripada pihak kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan sangat aktif, responsif dan berperanan dalam menyantuni dan membela nasib segmen gelandangan. Ini sesuai dengan slogan Islam sebagai rahmat kepada seluruh alam. Di antara institusi yang terlibat dalam menangani isu gelandangan ini adalah seperti berikut:

1. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

YADIM ialah sebuah badan amanah yang ditubuhkan oleh Tun Haji Abdul Razak bin Hussin, YAB Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada 1 Muharam 1394, iaitu 25 Januari 1974 yang bertujuan menyelaraskan kegiatan badan-badan dakwah serta NGO agar berjalan seiring dan sejajar dengan dasar negara serta menjadi pemangkin ke arah penyebaran dakwah di Malaysia. YADIM ialah sebuah badan amanah yang didaftarkan di bawah Trust Incorporation Ordinance 1952 yang bertanggungjawab secara langsung kepada YAB Perdana Menteri dan diletakkan di bawah pengurusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkaitan hal ehwal Agama Islam. Buat masa ini, YADIM diterajui oleh YBhg. Ustaz Nik Omar Nik Abdul Aziz (www.yadim.com.my), (Abdul Munir Ismail, 2014), (Laporan Kejayaan Institusi-institusi Agama di Bawah YB Menteri di JPM).

Menerusi sorotan pada laman web YADIM, YADIM telah memainkan peranan yang agak besar dalam menangani isu gelandangan khususnya di kota raya Kuala Lumpur. Di antaranya, YADIM bergiat aktif dalam memberikan khidmat kebajikan, pendidikan dan bimbingan kerohanian kepada segmen gelandangan. Contohnya, pada 5 Januari 2016 hingga 11 Januari 2016, YADIM telah menganjurkan program Daie Pintar yang merangkumi tiga subprogram yang diadakan iaitu Projek Cakna (Mesin Basuh), Projek Cakna (Anak Chow Kit), Jom Gegar Masjid! dan Jejak Hikmah.

Projek Cakna (Mesin Basuh) menumpukan pengisian nya termasuk membersihkan pakaian golongan gelandangan, pemberian pakaian percuma dan solat berjemaah bersama golongan berkenaan. Projek Cakna (Anak Chow Kit) pula diadakan dengan fokus diberikan kepada anak-anak gelandangan di kawasan Chow Kit termasuk memberi imej bahawa agamawan juga peka dalam isu kemiskinan, mendidik anak muda cara solat dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan mereka. Manakala program Daie Pintar pula adalah program Jejak Hikmah iaitu sebuah program berbentuk street dakwah yang menggunakan perkhidmatan keretapi sebagai platform untuk anak-anak muda ini menyampaikan mesej dakwah. Ketiga-tiga program ini bermatlamatkan menyantuni gelandangan secara berhikmah dan mengambil peduli kesulitan kehidupan mereka. Selain membantu golongan gelandangan, pihak YADIM juga menjadikan program ini sebagai medan bagi melatih dan mendedahkan para *daie* muda di bawah program Felo Muda Dakwah YADIM Siri III 2015 (FMD IV) dengan suasana *waqi'* dan cabaran dakwah di luar. Ini bagi menjadikan *daie* yang dibentuk mampu berperanan mendekati kelompok sasar dakwah dengan uslub yang tepat dan berkesan (www.yadim.com.my).

Penelitian penulis kepada program-program yang diadakan, ia merangkumi tiga metode utama uslub dakwah yang disarankan al-Quran dalam surah al-Nahl ayat ke-125 serta dikembangkan para anbiya', generasi sahabat dan para pendakwah iaitu metode *hikmah*, *maw'izah hasanah* dan *mujadalah bi al-lati hiya ahsan*. Menurut Abdul Munir Ismail, ketiga-tiga uslub ini sesuai diguna pakai oleh para pendakwah sebagai kaedah dakwah kepada kelompok sasar. Menurut beliau lagi, faktor penerimaan dakwah juga sangat penting diambil kira dengan memilih kaedah pendekatan yang sesuai dan mudah diterima (Abdul Munir Ismail, 2014).

YADIM turut memuatkan berita mengenai program bersama golongan gelandangan pada 17 November 2016 dengan memfokuskan sekitar Dataran Masjid Negara, Kuala Lumpur sebagai tumpuan aktivis YADIM untuk berdakwah. Menurut Pengurus Eksekutif

Bahagian Bina Ummah, Encik Hamudah Hassan program berkenaan telah diadakan di sekitar dataran Masjid Negara, yang merupakan antara lokasi tumpuan golongan gelandangan untuk tidur. Beliau menyatakan bahawa;

“Pada program ini, YADIM telah berjaya mendekati kira-kira 150 gelandangan dan menyampaikan makanan percuma iaitu spageti dan burger kepada mereka”.

“YADIM mungkin perlu memikirkan bantuan dalam bentuk yang lain seperti kain pelekat dan telekung bagi menggalakkan golongan berkenaan bersolat dan mengerjakan ibadah”.

Selain daripada sumbangan makanan percuma, YADIM turut menyampaikan beberapa risalah terutama berkaitan solat kepada golongan berkenaan serta mengadakan sembang santai bersama mereka. (www.yadim.com.my).

Sorotan aktiviti di atas yang dijalankan oleh YADIM adalah meneladani pendekatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam menyantuni golongan *Ahli Suffah* di Masjid Nabawi, Madinah. Golongan *Ahli Suffah* tidak mempunyai sumber pendapatan atau kerja yang tetap mereka dibenarkan tinggal di dalam masjid (Ermy Azziaty, Lukman Ibrahim & Wan Kamal, 2016). Tetapi jasa mereka sangat besar khususnya dalam menghadiri halaqah ilmu bersama Nabi SAW dan menghafal hadis-hadis seperti Abu Hurairah RA. Di sini pula, golongan gelandangan diberikan ruang menumpang di kawasan berbumbung di Masjid Negara jika mengalami kesulitan seperti mereka yang datang ke Kuala Lumpur untuk bekerja tetapi tidak mempunyai tempat tinggal.

Walau bagaimanapun, pihak YADIM mungkin boleh memikirkan pelan bertindak dengan memanfaatkan ruang masjid sebagai tempat berteduh golongan gelandangan dengan mengambil kira aspek kebersihan dan keselamatan.

2. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhannya adalah bagi menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sebelum itu diletakkan di bawah kerajaan negeri Selangor. MAIWP selepas itu turut bertanggungjawab menguruskan hal ehwal umat Islam di Labuan dan Putrajaya setelah kedua-duanya diumumkan sebagai Wilayah Persekutuan masing-masing pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001 (www.maiwp.gov.my), (Laporan Kejayaan Institusi-Institusi Agama di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri).

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) turut aktif berperanan menangani isu gelandangan dengan kapasiti dan bidang kuasa sedia ada. Di antaranya, MAIWP pada 20 Oktober 2016 telah mengadakan Jejak Gelandangan Bersama Sahabat Zakat PPZ-MAIWP itu dan seramai 34 orang telah menyertainya yang terdiri daripada Sahabat Zakat, pegawai-pegawai PPZ dan Baitulmal MAIWP. Program ini diadakan bertujuan memberi peluang kepada Sahabat Zakat memahami fungsi dan matlamat penubuhan PPZ-MAIWP yang berperanan mengutip zakat dan Baitulmal-MAIWP yang berperanan dalam pengagihannya. Kumpulan ini mendekati golongan gelandangan ibu kota dengan menyelami permasalahan

mereka serta memberikan sumbangan peralatan pembersihan diri seperti ubat gigi, berus gigi dan tuala (<http://www.zakat.com.my>).

Di samping itu, MAIWP sebagai agensi yang turut dipertanggungjawabkan untuk mengagihkan kutipan zakat bagi Wilayah Persekutuan, turut menubuhkan Pusat Gelandangan MAIWP- Kementerian Dalam Negeri. Menurut Laporan Ringkas Aktiviti-Aktiviti Agihan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bagi Tahun 2014, program ini merupakan kolaborasi antara MAIWP dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menubuhkan Pusat Gelandangan MAIWP-PKDN. Dalam kerjasama ini, MAIWP menyediakan sebuah bangunan milik MAIWP setinggi 3 tingkat di Lot 316, Jalan Ipoh untuk dijadikan pusat gelandangan tersebut.

3. Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM)

IKRAM merupakan antara pertubuhan bukan kerajaan Islam (NGO Islam) yang aktif dan komited dalam menangani isu gelandangan. IKRAM secara rasminya didaftarkan pada 22 Oktober 2009 merupakan pertubuhan dakwah, tarbiah dan kebajikan yang prihatin terhadap urusan-urusan kehidupan masyarakat umum sejajar dengan ajaran dan cara hidup Islam.

Dalam isu gelandangan, IKRAM turut menyuarakan pandangan akan kepentingan menangani isu gelandangan dengan sewajarnya. Misalnya kenyataan media bertarikh 5 Julai 2014, yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua IKRAM Wilayah Persekutuan sebagai respons kepada kenyataan Menteri Wilayah Persekutuan ketika itu berkaitan isu gelandangan, beliau menyebut bahawa:

- a) Pihak kerajaan perlu mengenal pasti dan seterusnya menangani punca sebenar permasalahan berkaitan golongan ini.
- b) Mencadangkan supaya konsep dan pelaksanaan zakat di Wilayah Persekutuan diolah untuk membantu golongan asnaf sehingga mereka berjaya dan tidak lagi memerlukan bantuan. Dengan ini, golongan fakir dan miskin dapat keluar dari kongkongan kemiskinan.
- c) Menggesa pusat zakat memainkan peranan yang lebih proaktif untuk menyelesaikan permasalahan ini sehingga ke akar umbi.

IKRAM juga menekankan bahawa IKRAM WP sedia menghulurkan buah fikiran dan tenaga untuk bersama dengan pihak kerajaan, pusat zakat, badan-badan NGO dalam merangka perancangan bagi menangani permasalahan ini.

Pertubuhan IKRAM turut menganjurkan program turun ke lapangan bagi menyantuni gelandangan dengan mesej *al-Da'wah bil Hikmah wal Mau'izhah Hasanah* iaitu program "Street Raya". Program yang dianjurkan ini diisi dengan agenda pemeriksaan kesihatan, memberi bantuan makanan, mengajar bacaan al-Quran dan mewarnai bersama kanak-kanak di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. (www.ikram.org.my).

Di antara program lain yang telah dianjurkan oleh Ikram adalah program turun padang dan menziarahi gelandangan di sekitar bandar raya Kuala Lumpur. Dalam program ini, menyediakan pek-pek makanan kering yang bernilai hampir RM10,000 hasil kutipan sumbangan terkumpul di Kuala Lumpur dan Ipoh. (www.ikram.org.my).

4. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)

PERKIM telah diasaskan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan didaftarkan pada 19 Ogos 1960. Selepas penubuhannya, Tunku telah dilantik sebagai penasihat sehingga tahun 1971 dan dipilih sebagai Presiden sehingga tahun 1989. Pada masa kini, PERKIM dipimpin oleh YAB Tun Dr. Mahathir Muhammad yang juga merupakan Perdana Menteri Malaysia ke-7. PERKIM merupakan satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sentiasa aktif dalam menyantuni dan memberi khidmat kebajikan kepada saudara baru dan umat Islam dalam lapangan dakwah, pendidikan dan kebajikan. (www.perkim.org.my) (Abdul Munir Ismail, 2014).

Dalam isu gelandangan ini, PERKIM turut aktif memberikan khidmat kebajikan dan dakwah kepada segmen gelandangan. Antara aktiviti yang dianjurkan Perkim ialah mengagihkan makanan kepada gelandangan di sekitar Kuala Lumpur termasuklah menyediakan juadah berbuka puasa yang diletakkan sebagai program tahunan Perkim Pusat, mengagihkan sumbangan orang ramai berupa pakaian dan makanan dan bimbingan kerohanian dari masa ke semasa kepada saudara baru di kalangan gelandangan. (Berita Perkim, 2016), (Utusan Online, 3 Jun 2016).

PENDEKATAN DAKWAH KEPADA GOLONGAN GELANDANGAN

Islam sentiasa mengajak setiap umatnya melakukan kebaikan, menjauhi keburukan dan sentiasa beriman kepada Allah SWT. Pada masa yang sama, Islam turut menetapkan etika pergaulan dan perhubungan sesama insan di atas prinsip *Litaarafu* dalam menyantuni mana-mana segmen umat tanpa mendiskriminasikan mana-mana pihak. Hakikatnya, setiap Muslim itu adalah bersaudara, ada hak yang perlu ditunaikan sesama mereka, tidak menzalimi antara satu sama lain dan sentiasa nasihat-menasihati ke arah kebaikan. Hal ini selaras dengan saranan al-Sunnah yang merumuskan bahawa ajaran Islam merupakan nasihat dan peringatan. Menurut Zahazan dan Muhammad (2015), yang dimaksudkan dengan nasihat untuk manusia itu ialah memimpin mereka ke jalan yang benar, mengawasi mereka daripada terjerumus ke jalan yang salah dan memahamkan mereka bahawa ialah sebahagian daripada anggota masyarakat. Hal ini kerana, kriteria insan yang terbaik di sisi Ilahi adalah mereka yang paling bertakwa dan beriman kepada Nya. Di antara pendekatan dakwah yang boleh diaplikasikan golongan pendakwah adalah seperti berikut:

1. Pendakwah Perlu Mengenal Realiti *Mad'u*

Golongan gelandangan perlu disantuni dan didekati berdasarkan pendekatan dakwah yang bersesuaian, relevan dan mampu diterima dengan terbuka. Hal ini kerana dakwah sendiri merupakan suatu usaha yang baik, jitu dan bersungguh-sungguh dalam mengajak manusia ke arah kebaikan, menjauhi keburukan serta mengajak manusia supaya beriman kepada Allah SWT.

Bagi diri para pendakwah, mereka perlu menguasai ilmu berkaitan uslub dalam berdakwah bagi memastikan seruan Islam ini sampai dan mampu diterima oleh kelompok sasar dakwah seperti segmen gelandangan ini. Tanpanya masyarakat yang menjadi sasaran dakwah akan menolak dan menerima secara negatif. Oleh kerana itu, metode dakwah adalah satu kaedah atau cara untuk mengajak manusia mendekati diri dengan mentauhidkan Allah secara benar dan sempurna. Secara tidak langsung ianya mengajar pendakwah mengetahui

bagaimana keadaan subjeknya atau *mad'unya*. Akhirnya pendakwah dapat merancang cara atau teknik yang berkesan lagi tepat yang difikirkan berkesan untuk mempengaruhi *mad'unya* apabila ia menyampaikan dakwah (Fariza, Kalthom dan Puziah, 2016).

2. Menjadikan Al-Quran Sebagai Panduan Pendekatan Dakwah

Di dalam al-Quran sendiri terdapat nas-nas yang menunjukkan uslub dan pendekatan dalam berdakwah dan menyeru umat ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Seru lah ke jalan Tuhan mu dengan hikmat dan nasihat pengajaran yang baik, dan bahaskan lah mereka secara yang baik; sesungguhnya Tuhan mu Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat petunjuk.*” (Surah al-Nahl: ayat 125)

Menurut al-Maraghiy (2001), ayat di atas merupakan penegasan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dalam menyeru manusia supaya mengikut Syariat Allah SWT menerusi wahyu al-Quran yang telah disampaikan kepada Baginda SAW dengan sistem penyampaian kata-kata yang baik dan lemah lembut. Di samping itu, sampaikan lah pengajaran dan peringatan kepada mereka dengan menjadikan al-Quran sebagai hujah dan panduan. Juga diperingatkan jika berbahas dengan mereka, maka berbahas lah dengan cara yang terbaik dan serta dianjurkan memberi maaf kepada mereka jika mereka melampaui batas dalam berbahas.

Justeru itu, menggunakan pendekatan yang terbaik dan bijaksana dalam berdakwah merupakan kewajipan dan keutamaan bagi para pendakwah dalam menyampaikan seruan Islam. Namun begitu, pemberian petunjuk, kesedaran atau kesesatan adalah merupakan ketentuan Allah SWT semata-mata dan tidak perlu kepada yang selain-Nya.

Berdasarkan kepada nas di atas, maka boleh dirumuskan bahawa terdapat beberapa kaedah dakwah yang boleh dipraktikkan berdasarkan nas di atas iaitu Allah SWT memerintahkan untuk *engagement* atau menyeru manusia secara berhikmah dan penuh kebijaksanaan, memberikan nasihat, panduan dan peringatan yang baik serta memupuk budaya dialog dan perbahasan yang matang dan berfakta (Fariza, Kalthom & Puziah, 2016), (Abd Hadi, Mohamad Marzuqi & Wahyu, 2017).

Bahkan menurut Mohamad Kamil dan Muhammed (2007), sepanjang 23 tahun Nabi SAW berdakwah sama ada di Mekah selama 13 tahun dan 10 tahun pula di Madinah, maka inilah metode yang dipraktikkan Nabi SAW. Selain itu, kaedah ini diwarisi dan diikuti pula oleh generasi sahabat, tabi'in dan para ulama salaf al-soleh.

3. Al-Da'wah Bi al-Hikmah

Apa yang dimaksudkan dengan premis berdakwah dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan adalah terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu pendakwah, tajuk dan isi kandungan dakwah dan kaedah dalam berdakwah. Para pendakwah perlu memiliki ciri-ciri yang ditunjukkan oleh para nabi dan generasi sahabat yang tinggi kesabarannya, cekal semangatnya, tidak mudah berputus asa, bersifat rahmat kepada semua serta sentiasa berusaha mempertingkatkan diri dengan ilmu dan pendekatan dakwah yang terkini. Selain

itu, para pendakwah perlu menjauhkan diri daripada sifat mudah menghukum (*nahnu du'ah laisa qudhah*) atau menerima sesuatu secara melulu tanpa sebarang kajian atau penelitian yang mendalam. Hikmah dan bijaksana itu bukan sekadar pada lisan pendakwah tapi diperturunkan pada tindakan dan perlakuan kerana ia juga mampu menjadi uslub dakwah yang berkesan. Pada masa yang sama, para pendakwah perlu menggarap dan menguasai *fiqh al-Aulawiyat* atau Fiqh Keutamaan dalam gerak kerja dakwah mereka.

Manakala topik dakwah pula adalah bersangkutan sumber rujukan berasaskan sumber autoriti perundangan Islam iaitu al-Quran dan sunnah, hikmah dan bijaksana dalam pemilihan topik dakwah agar ia bersesuaian dengan kadar kemampuan *mad'u*, mudah diterima dan tidak membebankan mereka. Pada sudut kaedah dan pendekatan dakwah pula, para pendakwah hendaklah memikir dan memilih kaedah yang terbaik bagi diterima oleh mereka dengan hati yang terbuka. Contohnya seperti mengadakan program berbentuk ziarah, memberi makanan sambil berdakwah, pemberian pakaian, pemeriksaan kesihatan, kelas mengaji al-Quran, kem tahsin solat, galakan menjaga kebersihan dan sebagainya. Pendekatan-pendekatan sebegini mampu menarik perhatian golongan gelandangan dan mudah diterima oleh mereka dengan sewajarnya. Namun demikian, pendekatan *al-Da'wah bil hikmah* atau dakwah secara hikmah dan bijaksana perlu diberi penekanan, penjenamaan baru dan penelitian mendalam oleh para *da'ie* bagi menjamin survival dakwah Islamiah itu sendiri. Contohnya, kebanyakan agensi dan pertubuhan menumpukan kepada memberi makanan kepada gelandangan. Ini kerana keperluan kritikal yang diperlukan golongan gelandangan antaranya adalah makanan. Ini kerana makanan merupakan perkara *dharuriyyat* bagi setiap manusia.

Namun demikian, pendekatan dakwah ini tidak sekadar memberi makanan semata-mata tetapi diperluaskan dengan ciri hikmah dan kebijaksanaan tadi melalui, "*memberi pancing lebih diutamakan daripada memberi ikan*". Pendekatan inilah yang diaplikasikan Nabi SAW apabila berhadapan dengan golongan miskin yang datang meminta-minta bantuan kepada Nabi SAW. Menurut al-Qaradhawi (2005), Nabi SAW mengajar mereka supaya berusaha dan berdikari dengan apa-apa pekerjaan sekalipun dengan memotong kayu dan menjualnya di pasar. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

"Bahawa seseorang kamu mengambil tali kemudian dia mengangkat seikat kayu di belakangnya lalu dijualnya dengan itu Allah SWT akan mengangkat air mukanya, adalah lebih baik daripada dia meminta-minta kepada orang, sama ada diberikan orang apa yang dimintanya ataupun ditolak."

(al-Bukhari dan Muslim)

Namun demikian, Rasulullah SAW membataskan sesuatu itu apabila timbulnya situasi darurat atau keperluan yang mendesak bagi diri dan tanggungannya. Justeru itu, bagi sesiapa yang terdesak, maka dibolehkan mereka meminta-minta bantuan daripada pemerintah seperti memohon zakat, bantuan kebajikan dan sebagainya atas kemaslahatan yang diperlukan. Hal ini selaras dengan sabda baginda SAW yang bermaksud:

"bahawasanya meminta-minta itu umpama perbuatan luka, (dengan meminta-minta itu) seseorang melukakan mukanya sendiri. Maka barang siapa yang mahu, bolehlah mengekalkan (luka-luka itu) pada wajahnya dan barang siapa

yang mahu, bolehlah ditinggalkannya kecuali jika terpaksa meminta-minta kepada penguasa ataupun pada sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan. ”

(Riwayat Abu Daud dan al-Nasa'ei)

Oleh itu, hadis-hadis yang dikemukakan ini menggambarkan bagaimana Rasulullah SAW telah lama memberikan panduan dalam menangani masalah pengemis dan gelandangan ini dengan membantu mereka berusaha, bekerja dan hidup berdikari. Ia adalah lebih baik daripada meminta-minta bantuan orang lain. Namun atas nilai kemanusiaan, maka Islam membolehkan mereka untuk meminta bantuan jika mereka menghadapi situasi dan keadaan yang sukar dan tidak dapat dielakkan bagi meneruskan survival kehidupan mereka.

Sehubungan dengan itu, terdapat para pengkaji segmen gelandangan seperti Muhammad Ammar & Mohd Anuar (2017) mencadangkan agar diluaskan penaksiran zakat bagi *asnaf ibnu sabil* dan *al-riqab* bagi membantu golongan gelandangan. *Asnaf ibnu sabil* ditakrifkan sebagai orang musafir atau orang hendak yang melakukan perjalanan dari suatu tempat dengan tujuan dan matlamat musafir yang diharuskan oleh syarak (Wahbah al-Zuhaili, 1999). Justeru itu, jika diteliti pada takrif *ibnu sabil* ini, maka ia dilihat mempunyai persamaan dengan ciri-ciri gelandangan yang dinyatakan sebelum ini seperti datang bermusafir ke bandar atau kota raya tanpa mempunyai pendapatan sehingga memaksa mereka hidup di jalanan dan meminta-minta bantuan.

Selain itu, pemberian bantuan zakat kepada segmen gelandangan ini mampu membebaskan diri mereka daripada belenggu kemiskinan dan budaya meminta-minta. Dengan wang zakat ini mampu menjana ekonomi, menyara kehidupan dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Ini kerana, mereka mungkin berminat untuk berniaga bagi menyara kehidupan, tetapi mempunyai hambatan pada sudut kewangan. Bahkan apabila sumber zakat itu dioptimumkan fungsi dan perannya, maka ia akan menjadi pemangkin kepada kutipan zakat yang lebih laju dan komprehensif (Sabran, Muhammed dan Yusmini, 2016).

Dalam menguasai metode berdakwah secara hikmah dan bijaksana ini, para pendakwah turut digalakkan menguasai ilmu psikologi atau *al-Thafaqah al-Insaniyyah* seperti yang diutarakan Dr. Yusof al-Qardhawi (2004) dalam bukunya, *Thaqafah Dai'eyah*. Metode hikmah dalam premis ini ialah cara bagaimana untuk mempengaruhi jiwa dan pemikiran manusia. Oleh itu kedua-duanya merupakan dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Malah penggunaan psikologi untuk kepentingan dakwah akan menjadi daya tarikan yang lebih dalam dakwah (Mohamad Kamil dan Muhammed, 2007).

Para pendakwah perlu mengenali *ma'du* dengan baik, memilih laras bahasa yang sesuai serta berkomunikasi dengan mereka mengikut tahap keupayaan mereka. Maka dengan penumpuan pada aspek ini, tahap keyakinan untuk dakwah itu diterima adalah tinggi dan memberangsangkan. Hal ini juga selaras dengan strategi pendidikan Rasulullah SAW kepada para sahabat iaitu memerhatikan situasi dan keadaan anak didik dalam proses dakwah dan tarbiyah (Abdul Fattah, 2011).

4. Al-Da'wah Bi al-Maw'izah Al-Hasanah

Pada sudut uslub dakwah ini, para pendakwah perlu membawakan isi dan persembahan dakwah dengan memaparkan isi seruan Islam dalam bentuk pengajaran, motivasi nasihat dan peringatan yang baik. Menurut Abdul Munir Ismail (2014), kaedah ini dengan lain memberi

nasihat dengan penggunaan laras bahasa yang sesuai bagi menimbulkan motivasi untuk melakukan perkara-perkara baik. Sebagai contoh, para pendakwah boleh merujuk kepada kisah-kisah umat terdahulu, ujian dan cabaran yang dialami Nabi SAW dalam berdakwah, kecekan para sahabat dalam meneruskan misi dakwah yang ditinggalkan nabi SAW serta pelbagai lagi peristiwa penting yang boleh diambil ibrah dan peringatan oleh golongan gelandangan.

Metode *maw'izah hasanah* juga bermaksud dengan memberi peringatan tentang kewajipan dengan apa yang telah diperintahkan oleh agama untuk mendapat keredaan Allah di dunia dan akhirat, menasihati dengan perkataan dan perbuatan. Ia juga termasuk menasihati golongan gelandangan secara lisan dengan cara masuk ke dalam hati dengan cara lemah lembut, menyelami perasaan halus, bukan dengan mengherdik atau mencela dalam perkara-perkara yang tidak wajib dicela, bukan dengan membuka kesalahan kerana kejahilan atau dengan niat baik (Abd Hadi, Mohamad Marzuqi dan Wahyu, 2017).

Selain itu, pendekatan *al-Da'wah bil maw'izah al-Hasanah* boleh dikembangkan melalui pelbagai medium seperti nasihat, motivasi, kaedah *targhib* (galakan) dan *tarhib* (ancaman) sebagai usaha menyeru mereka ke jalan Allah SWT. Menurut Rafiza, Jaffari, Sunawari dan Zaizul (2017), ia sebagai asas kepada sistem sokongan agama kepada kaum gelandangan. Para pendakwah perlu menumpukan pendekatan menonjolkan sistem sokongan agama kepada kelompok gelandangan. Ini kerana sistem sokongan agama mampu menanamkan keyakinan kepada seseorang, mengenal tujuan dan hakikat kehidupan serta mendatangkan nilai keimanan yang mendalam pada diri seseorang. Oleh kerana itu, pendekatan dakwah melalui sistem sokongan agama kepada gelandangan dilihat bersesuaian dengan kondisi dan situasi segmen gelandangan.

Justifikasi pemilihan kaedah sistem sokongan agama ini adalah kerana apabila seseorang itu mengenali diri sendiri secara mendalam, mengetahui tujuan diciptakan sebagai manusia di atas muka bumi ini serta mengakui adanya kehidupan yang lebih kekal abadi selepas kehidupan dunia, maka ia akan memberikan semangat kepada gelandangan untuk menjalani kehidupan di atas muka bumi ini. Mereka akan mempunyai kekuatan untuk menjalani kehidupan dengan penuh bermakna dan berkualiti. Hal ini secara jelas dirakamkan menerusi firman Allah SWT bermaksud:

“Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala urusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya hubungan dengan Allah dan adanya hubungan dengan manusia.”
(Surah 'Ali-Imran: ayat 112)

Oleh yang demikian, pendekatan dakwah secara nasihat dan *maw'izah hasanah* sangat signifikan bagi para pendakwah untuk menyantuni kelompok gelandangan berdasarkan tahap penghayatan agama mereka. Ini kerana pendakwah yang terbaik adalah mereka yang mampu memahami dan menyesuaikan uslub dakwah dengan *mad'u* mereka.

Secara tuntas nya, prinsip pendekatan dakwah yang diaplikasikan daripada al-Quran al-Sunnah adalah sentiasa relevan dan sesuai sepanjang zaman. Namun kaedah dan pendekatannya perlu diberi penjenamaan semula, pemantapan dan pemurnian yang sesuai dengan arus perubahan zaman dan tempat serta kecanggihan teknologi masa kini.

KESIMPULAN

Islam merupakan suatu ajaran yang menekankan konsep kemanusiaan, kepedulian dan kesejahteraan kepada semua makhluknya. Ia selaras dengan misi perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat ke seluruh alam. Islam juga menjunjung konsep keadilan dan persamaan antara semua kelompok tanpa dibataskan atas faktor pangkat, darjat, bangsa, keturunan atau warna kulit. Rasulullah SAW juga menegaskan perkara ini dalam khutbah terakhir (Haji Wida) iaitu:

“Wahai manusia! Ingatlah bahawa Tuhan kamu adalah satu dan bapa kamu adalah satu, ingatlah tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang Ajam dan tidak ada kelebihan orang Ajam ke atas orang Arab dan tidak ada kelebihan orang berkulit hitam ke atas orang berkulit merah kecuali orang yang bertakwa.” (Maktabah Syamilah, Musnad Ahmad, no. 22391)

Oleh sebab itu, segmen gelandangan merupakan sebahagian daripada *mad'u* yang perlu didekati oleh kelompok agamawan dan pendakwah tanpa mengira agama dan kepercayaan mereka. Jika mereka susah dan lemah, maka menjadi kewajipan kepada umat Islam untuk membantu mereka serta perlu terus diberikan keyakinan untuk terus menjalani kehidupan. Hak persamaan yang diletakkan oleh Islam meletakkan mereka mempunyai hak yang sama untuk hidup sebagai manusia yang bermaruah, mempunyai peluang yang sama untuk mencari rezeki dan kekayaan di bumi Allah, tidak boleh disisihkan mereka hanya kerana mereka lemah dan miskin bahkan mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan pendidikan, mempunyai kedudukan yang sama di sisi undang-undang dan mempunyai peluang yang sama untuk melakukan ibadat kepada Allah SWT.

Sehubungan dengan itu, bagi menangani isu gelandangan ini secara holistik dan bersepadu, maka pihak kerajaan pada hari ini hendaklah mengambil sikap berhikmah, tenang dan bersederhana dalam menyantuni dan menangani permasalahan gelandangan ini. Sebarang kenyataan atau tindakan yang agresif dan keras tidak membantu menyelesaikan permasalahan gelandangan ini. Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Islam sebagai rahmat kepada seluruh alam sewajarnya menjadi teras kepada sebarang penggubalan polisi, program dan tindakan dalam menangani segmen gelandangan ini. Pihak kerajaan juga diseru melipatgandakan program-program yang mewujudkan kebaikan dan kemaslahatan kepada rakyat jelata lebih-lebih lagi kepada mereka yang tidak bernasib baik dan menghadapi kesusahan hidup.

Selain itu, pertubuhan Islam dan organisasi dakwah sama ada kerajaan atau bukan kerajaan perlulah duduk semeja berbincang dan berdiskusi bagi menyelaraskan sebarang tindakan bagi menangani permasalahan gelandangan ini. Tumpuan seharusnya diberikan kepada pengukuhan akidah dan ibadat, penyelarasan bantuan kewangan dan memupuk keyakinan diri pada kaum gelandangan. Hal ini kerana terdapat pertubuhan agama selain Islam yang turut aktif mendekati penempatan orang miskin, kawasan konflik dan bencana alam serta termasuk gelandangan dengan misi kebajikan tetapi pada masa yang menyebarkan dakyah agama mereka. Pada masa yang sama, kita juga tidak mahu timbul sebarang tanggapan dan kata-kata negatif kepada pertubuhan dan agensi Islam seperti lambat membantu, banyak kerenah dan birokrasi, tidak mesra dan sebagainya.

Golongan agamawan seperti mufti, ahli akademik dan cendekiawan Muslim juga seharusnya memperhalus cadangan bagi meluaskan skop penerima zakat bagi asnaf Ibnu Sabil dan al-Riqab dengan memasukkan golongan gelandangan sebagai antara penerima zakat di bawah asnaf tersebut (Muhammad Ammar & Mohd Anuar, 2017). Mungkin mereka ini wajar diberikan bantuan bersifat geran atau skim bantuan untuk memulakan kegiatan perniagaan bagi menyara dan membina kehidupan baru mereka.

Penulisan ini turut merumuskan dua metode utama dakwah yang boleh diaplikasikan apabila berhadapan dengan segmen gelandangan iaitu dakwah secara *al-hikmah* dan bijaksana serta berdakwah dengan nasihat dan *maw'izhah* yang baik. Selain itu, para pendakwah perlu sentiasa kreatif dan inovatif dalam menggarap pendekatan baru berpandukan kedua-dua metode penting ini. Setiap pertubuhan hendaklah mempelbagaikan pendekatan dakwah dengan tidak hanya memfokuskan program dakwah kepada satu program seperti program memberi makanan sahaja, tetapi banyak lagi aspek lain yang diperlukan mereka seperti kesihatan, pendidikan dan kebajikan. Ini kerana pegangan akidah yang tinggi dan ilmu yang mantap mampu melindungi setiap manusia daripada sebarang noda dan dosa.

PENGHARGAAN

Abdul Halim Bin Abdul Karim merupakan pensyarah di Jabatan Syariah manakala Ahmad Effat Bin Mokhtar merupakan Dekan Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS. Penulis boleh dihubungi di alamat email seperti berikut: abdhalim@kuipsas.edu.my dan effat@kuipsas.edu.my.

RUJUKAN

- Abd Hadi Borham, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim dan Wahyu Hidayat Abdullah, (2017), *Faktor-Faktor Tarikan Dalam Metod Dakwah: Satu Sorotan Literatur*, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Fattah Abu Ghuddah, (2011), *40 Strategi Pendidikan Rasulullah*, Pelima Media Sdn. Bhd., Selangor.
- Abdul Munir Ismail, (2014), *Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Afiq Syahmi Mohd. Shah, Utusan Online. (2016). Perkim sediakan juadah. <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kl-putrajaya/perkim-sediakan-juadah-> (3 Jun 2016).
- Ahmad Mustafa al-Maraghiy, (2001), *Tafsir al-Maraghiy*, edisi terj. oleh Muhammad Thalib, Jilid 7, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ahmad Sunawari Long, (2016), *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Akta Orang-Orang Papa (1977) (Akta 183).

- Bahagian Dasar Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat. (2016). *Kenyataan Media Bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Wilayah Persekutuan, Mekanisme Menangani Isu-isu Golongan Gelandangan Menerusi Pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan*, <https://www.kpwkm.gov.my>, (19 Februari 2016).
- Berita Perkim. (2016). Wanita Perkim Dekati Gelandangan, <https://www.perkim.net.my/wp-content/uploads/2016/12>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). (2010). Kuala Lumpur.
- Editor Yadim. (2016). Fellow Muda YADIM menyantuni masyarakat, <http://www.yadim.com.my>. (6 Januari 2016).
- Editor Yadim. (2016). Yadim dekati golongan gelandangan, <http://www.yadim.com.my>, (21 November 2016).
- Ermy Azziaty Rozali, Lukman Ibrahim & Wan Kamal Mujani. (2016). Pentadbiran Rasulullah SAW: Model Tadbir Urus Yang Cemerlang, <http://www.ukmsyariah.org>
- Fariza Hanan Muhamad, Kalthom Husain dan Puziah Abdul Wahab, (2016), *Uslub Dakwah Menurut Perspektif al-Quran, Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (Irsyad 2016)*, 869-884.
- Afiq Syahmi, (2016), *Perkim Sediakan Juadah*, www.utusan.com.my, (3 Jun 2016).
- Ikram Wilayah Persekutuan. (2014). *Kenyataan Media, Isu Gelandangan perlu ditangani dengan bijaksana*, laman *facebook* Ikram Wilayah Persekutuan, (4 Julai 2014).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Laporan Kejayaan Institusi Agama di Bawah Menteri JPM*, <http://www.islam.gov.my>.
- Jasser Auda, (2015), *Memahami Maqasid Syariah, Peranan Maqasid dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*, PTS Islamika Sdn. Bhd., Selangor.
- Ku Basyirah Ku Yaacob, Mohd Suhaimi Mohamad, Norulhuda Sarnon, (2017), *Isu Gelandangan di Malaysia : Tahap Kesihatan Mental & Kemahiran Hidup*, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Edisi Khas, e-ISSN:2289-8042, 119-131.
- Laman Web Rasmi Ikram. (2019). Pengenalan IKRAM, <http://www.ikram.org.my/berita-2/pengenalan>. (4 Mac 2010).
- Laman Web Rasmi MAIWP. (2014). Laporan Ringkas Aktiviti-Aktiviti Agihan Zakat.
- Laman Web Rasmi MAIWP. (2019). Sejarah Penubuhan MAIWP. <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/mengenai-kami/sejarah-penubuhan>.

- Laman Web Rasmi Perkim. (2019). Latar Belakang PERKIM, <https://www.perkim.net.my/latar-belakang/>.
- Laman Web Rasmi Yadim. (2019). Penubuhan YADIM, <http://www.yadim.com.my/v2/tentang-kami/penubuhan>.
- Mohamad Kamil Abd. Majid dan Muhammed Yusof. (2007). *Kaedah Pendekatan Dakwah Silam dan masa kini: Perbezaan dan Kesesuaian*, <http://kamilmajid.blogspot.com>, (6 September 2007).
- Mohd Shukri Hanafi, (2016), *Antara Bantuan Kemanusiaan dan Tret Personaliti*, Majalah Dakwah, Isu Ke-32, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 16-20.
- Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli, (2017), *Golongan gelandangan di Malaysia: Antara Perluasan tafsiran Asnaf Ibnu al-Sabil dan al-Riqab, Isu-Isu Kontemporari Dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, 121-132.
- Muhammad Faheem Mohd Dahlan dan Muhammad Idris Bullare @ Bahari, (2017), *Kesejahteraan Hidup Dalam Kalangan Gelandangan*, Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial (JPsiKS) © 2017 Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial 2017, Vol. 1, 53–62, Universiti Malaysia Sabah.
- Musnad Abdullah bin Mubarak, hadis no. 239, <https://library.islamweb.net/hadith/>.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. (2016). *Jejak Gelandangan Bersama Sahabat Zakat PPZ-MAIWP*, <http://www.zakat.com.my/berita-acara/berita-terkini/2016/sahabat-zakat-ppz-sertai-jejak-gelandangan-baitulmal-maiwp>
- Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long & Zaizul Ab Rahman, (2017), *Keperluan Gelandangan terhadap Sistem Sokongan Agama*, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Vol 4 bil 1 (2017), e-ISSN:2289-8042, 82-92.
- Rosmawati Ali, (2005), *Pengantar Ulum Hadis*, Pustaka Salam Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Sharifah Mariam Alhabshi, & Alifatul Kamilah Binti Abdul Manan, (2012). *Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of agenda denial*. International Journal of Social Science Tomorrow, 1(2), 1–9.
- Wahbah al-Zuhaili, (1999), *Fiqh Islami Wa Adillatuh*, edisi terj. Fiqh dan Perundangan Islam oleh Md. Akhir Haji Yaacob *et al.*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Yusof al-Qaradhawi, (2004), *Thaqafah al-Dai'eyah*, Maktabah Wahbah, Kaherah, Mesir.
- Yusof al-Qaradhawi, (2008), *Fiqh al-Aulawiyat Wa Dirasah Jadidah Fi Du' al-Quran dan al-Sunnah*, Maktabah Wahbah, Kaherah, Mesir.

Yusof al-Qaradhawi, (2015), *Halal dan Haram Dalam Islam*, edisi terj. Oleh Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd., Nilai, Negeri Sembilan.

Zahazan Mohamed dan Muhammad Zakaria, (2015), *Huraian Hadis 40 Imam Nawawi*, Telaga Biru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.